

Fabricated Hadith: Unraveling Contradiction between Society and Scholar towards Mutual Agreement

*Mohd Farhan Md Ariffin¹, Khadher Ahmad¹

¹Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur

e-mail: al.muqarrobiin@gmail.com

Abstract

Hadith is the second source of Sharia in Islam. Hadith plays an essential role in Muslim life. Each saying leaned to Prophet Muhammad PBUH considered noble and followed by Muslims. Thus, appear irresponsible groups trying to ruin hadith authenticity. They are easily made up with something and using Prophet Muhammad name for personal interest. Consequently, fabricated saying or false hadith has been absorbed into Islamic tradition and religious scriptures that are believed by Muslims as well as used as an argument or in their daily practice. Regarding this, scholars have established various strict terms in order to purify Islamic teachings and restrict spreading of mawdū'at (false, fictitious, fake hadith), so that the acceptable degree of hadith either be *sahih* or *hasan*. After proving the validity of hadith through narrators (*sanad*), they also need to study the content (*matan*) before it can be used as a source of law. On the same basis, this article tries to analyze the existence of fabricated hadith and views among scholars and civil society in Malaysia. As a result, researchers find out that scholars are strict in rejecting fabricated hadith compared to society seems to be more open to absorb all "hadith". Realizing this matter, researchers try to list a few important principles that must be understood together in order to eradicate the spread of fabricated hadith. Hopefully this article can provide exposure on the importance of authentic hadith to Muslims, especially among society in Malaysia.

Keywords: Fabricated hadith; Scholar; Community; Joint effort; Eradicate

Hadith *Mawdu'*: Merungkai Kontradiksi antara Masyarakat dan Ulama Ke Arah Kesepakatan Bersama

Abstrak

Hadith merupakan sumber syariat kedua dalam Islam. Hadith memainkan peranan unggul dalam kehidupan seorang Muslim. Setiap *kalam* yang disandarkan kepada Rasulullah SAW dianggap mulia dan menjadi ikutan umat Islam. Justeru, wujud golongan manusia yang tidak bertanggungjawab cuba mengambil kesempatan merosakkan keaslian hadith Nabawi. Mereka dengan mudah mencipta sesuatu dan menggunakan nama Rasulullah SAW atas sebab kepentingan peribadi. Natiujahnya, kalam rekaan atau pendustaan tersebut telah diserap masuk ke dalam tradisi Islam dan kitab-kitab agama sehingga diyakini oleh umat Islam serta dijadikan hujah atau amalan seharian. Bagi memurnikan kembali ajaran Islam dan menyekat penyebaran hadith *mawdu'* (palsu, rekaan, dusta) tersebut, ulama telah menetapkan pelbagai syarat yang ketat supaya sesuatu hadith dapat diterima dengan darjat sahih ataupun hasan. Selepas membuktikan kesahihan sesebuah hadith melalui perawi hadith (*sanad*), mereka juga perlu mengkaji ayat dan kandungan hadith (*matan*) sebelum dapat dijadikan sumber hukum. Atas dasar yang sama, artikel ini cuba menganalisis keberadaan hadith *mawdu'* dan pandangan terhadapnya dari kalangan ulama dan masyarakat awam di Malaysia. Hasilnya, pengkaji mendapati para ulama tegas dalam menolak riwayat hadith *mawdu'* dibandingkan masyarakat awam yang lebih terbuka dalam menyerap semua sebagai "hadith". Menyedari hal ini, pengkaji cuba menyenaraikan beberapa asas penting yang perlu difahami secara bersama dalam rangka interaksi dan usaha membanteras penyebaran hadith *mawdu'*. Diharapkan artikel ini mampu memberi pendedahan berhubung kepentingan hadith *sahih* kepada umat Islam khususnya dalam kalangan masyarakat awam di Malaysia.

Kata kunci: Hadith *mawdu'*, ulama, masyarakat, usaha bersama, banteras

Pendahuluan

Hadith Nabawi memainkan peranan signifikan dalam penyariat Islam. Bagi memastikan praktikal Islam secara tepat, umat Islam wajib merujuk kepada hadith *sahih* sekaligus menjamin autoriti ajaran Islam yang *kamil* (al-Albani, 2005).

Atas dasar sama, para sarjana Islam turut menyekat penuluran hadith *mawdu'* bagi mengelakkan sebarang penyelewengan atau salahguna nas yang mampu mencemarkan kredibiliti Islam. Malah mereka bersepatat pendustaan terhadap Nabi Muhammad SAW tergolong dalam dosa besar yang mengundang ancaman neraka ('Ali Qari, 1994).

Terjemahan: “*Sesiapa yang menyampaikan daripadaku hadith yang pada sangkaannya adalah dusta, maka ia termasuk dalam kalangan pendusta.*” [Hadith riwayat al-Bukhari, Sahih al-Bukhari]

Skop dan Metodologi

Menurut Jawiah Dakir (2009), penyebaran hadith *mawdu'* dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia sangat membimbangkan. Oleh itu, kajian dilakukan atas rasa tanggungjawab melihatkan penulurannya yang semakin berleluasa di Malaysia.

Memfokuskan kajian khusus terhadap hadith *mawdu'*, didapati fenomena pemalsuan hadith berlaku selepas kewafatan Rasulullah SAW, apabila manusia mula mengejar matlamat tanpa mengira lorong di hadapannya, sama ada benar atau salah, atau didorong salah faham terhadap ajaran Islam, lalu mencampur adukkan antara sabda dan bukan sabda (Abdul Hayei Abdul Sukor, 2015).

Penulisan memfokuskan pendekatan analisis secara kualitatif daripada kitab-kitab rujukan *turath* dalam menyatakan berkenaan hadith *mawdu'* secara rinci. Setelah semua perbincangan dilengkapi, pengkaji turut memberi saranan bagi merungkai isu dalam usaha membanteras penuluran hadith *mawdu'* di Malaysia.

Perincian Hadith Mawdu'

Definisi Hadith Mawdu'

Secara etimologi, perkataan “*mawdu'*” merupakan *isim maf'ul* yang berasal daripada perkataan akar *wada'a* yang membawa pelbagai maksud. Antaranya letak, gugur, jatuh, rendah, reka, cipta dan biar (Ibn Manzur, t.t.).

Dari sudut terminologi, hadith *mawdu'* memberi

maksud himpunan kata-kata rekaan dan dinisbahkan kepada Nabi Muhammad SAW secara dusta ('Abd Allah Sha'ban, 2008; Fauzi Deraman, 2009).

Hadith *mawdu'* terbahagi kepada dua kategori iaitu:

[*Pertama*]: Memalsu atau mereka sesuatu, kemudian memperakukan sebagai sabda atau ucapan Nabi Muhammad SAW.

[*Kedua*]: Memalsukan sesuatu yang bukan ucapan Nabi SAW, seperti ucapan sahabat, *tabi'in*, *hukama'*, sufi atau diriwayatkan daripada sumber *Isra'iliyyat*, kemudian dihubungkan kepada Nabi Muhammad SAW bagi mendapatkan kepercayaan masyarakat (Mahmud al-Tahan, 2010).

Secara rinci, hadith *mawdu'* adalah sandaran kepada Nabi Muhammad SAW atau kepada selepasnya daripada kalangan sahabat atau *tabi'in* (Mohd Muhiden Abd Rahman, 2010) sama ada berbentuk perbuatan, perkataan, *taqrir* atau pengakuan, sifat akhlak atau sifat semulajadi secara rekaan atau dusta (Mahmud al-Tahan, 2010).

Hadith palsu pada hakikatnya bukanlah hadith yang benar sebagaimana wang palsu bukan wang sebenar ('Ali Qari, 1994).

Majoriti ulama memasukkan hadith *mawdu'* dalam kalangan hadith *da'if* (lemah). Hadith *mawdu'* berada pada tingkatan hadith *da'if* paling rendah.

Minoriti ulama pula membahagikan hadith kepada empat bahagian iaitu *sahih*, *hasan*, *da'if* dan *mawdu'*, malah menjadikan hadith *mawdu'* berdiri sendiri atas disiplinnya (Manna' Khalil al-Qathan, 2006).

Ciri-Ciri Hadith Mawdu'

Hadith *mawdu'* boleh dikenalpasti melalui beberapa tanda iaitu; (al-Qawuqji, 1994)

Tanda Pada Sanad

- i. Perawi yang meriwayatkannya adalah pendusta (*al-Kadhdhab*) atau dikenal sebagai seorang yang suka berdusta (*ma'ruf bi al-Kadhib*)
- ii. Diketahui perawinya sebagai orang yang suka membuat hadith *mawdu'* dan kepalsuannya disahkan sendiri oleh pembuat hadith
- iii. Wujud perkara yang menunjukkan kepada pengakuannya atau melalui penelitian terhadap keadaan riwayat
- iv. Wujud petunjuk (*qarinah*) pada diri perawi yang memberi pengaruh kepadanya untuk mereka-reka hadith
- v. Keadaan riwayat yang tidak masyhur dan

berkeseorangan dalam riwayat

Tanda Pada Matan

- i. Memiliki lafaz yang lemah dari sudut bahasa Arab
- ii. Memiliki makna yang merosakkan (buruk)
- iii. Bertentangan dengan kaedah umum dalam bidang hukum dan akhlak
- iv. Mengajak kepada perbuatan yang menggalakkan syahwat dan maksiat
- v. Bercanggah dengan fakta dan penyaksian ramai
- vi. Bercanggah dengan kaedah perubatan yang disepakati
- vii. Bercanggah dengan *Sunnatullah* dalam usul kejadian dan penciptaan insan
- viii. Mengandungi keanehan dan keganjilan yang bertentangan dengan akal
- ix. Keterangan yang lucu dan mentertawakan
- x. Bercanggah dengan fakta sejarah

Tanda Lain

- i. Tidak ditemui meski setelah diselidiki oleh pakar
- ii. Bercanggah dengan al-Qur'an
- iii. Bercanggah dengan hadith *mutawatir*
- iv. Bercanggah dengan *Qawa'id* umum dan hukum hakam terdapat dalam al-Qur'an dan Sunnah
- v. Bercanggah dengan ijma' ulama
- vi. Menyokong mazhab/kabilah/puak/sekte/kelompok tertentu
- vii. Mengandungi ganjaran yang besar bagi perbuatan biasa atau terlalu kecil
- viii. Mengandungi ancaman melampau sebagai balasan perbuatan keji (Mahmud al-Tahan, 2010).

Faktor Kemunculan Hadith Mawdu'

i. Penyelewengan terhadap agama Sarjana Islam menggunakan istilah "*zindiq*" bagi merujuk kepada golongan penyeleweng agama. Menurut al-Sakhawi, golongan ini menzahirkan Islam tetapi menyembunyikan kekufuran.

Golongan ini menggunakan hadith untuk memecah belahkan umat dan memasukkan penyelewengan dalam pelaksanaan syariat (Ibn Qayyim al-Jawziyyah, 1996).

ii. Memenangkan pegangan dan kepercayaan Fitnah dan perpecahan mula berlaku dalam kalangan umat Islam semenjak kewafatan Rasulullah SAW. Ia mencapai kemuncak setelah peristiwa *fitnah al-Kubra* (pembunuhan Saidina Uthman Ibn 'Affan RA). Setelah itu berlarutan sehingga terjadi Perang *Siffin* dan *Jamal*.

Semakin jauh manusia daripada zaman kenabian, semakin banyak perpecahan dan perselisihan.

Antaranya berbentuk perpecahan politik disebabkan masalah pemilihan Khalifah pemerintahan umat Islam. Dari situ lahirnya golongan Syiah, Khawarij di samping Ahl al-Sunnah sedia ada.

Selain itu, terjadi perselisihan dalam masalah akidah dan fiqh berpunca daripada perbezaan pendapat dalam beberapa permasalahan sifat dan nama Allah, mengenai kerasulan, kitab, Qada' dan Qadar serta pelbagai lagi.

Kemudian lahir beberapa *Madhab al-Mutakallimin* seperti Qadariyyah, Murji'ah, Jahmiyyah, Mu'tazilah, Mutashabihat dan Ahl Sunnah wa al-Jamaah. Setiap golongan mempunyai pegangan akidah tersendiri (Muhammad Abu Syahbah, 1988).

Ditambah pada kurun kedua Hijrah, perselisihan sekitar masalah furu' dalam fiqh telah memunculkan beberapa aliran mazhab. Didorong sentimen mahu memenangkan mazhab pegangan masing-masing serta menonjolkan keistimewaan tokoh ikutan, maka timbul hadith *mawdu'* bagi tujuan tersebut. Keadaan ini tidak berhenti setakat itu, pihak lawan juga tidak berdiam diri dan mencipta hadith bagi membalas serangan.

Di samping itu, masalah fanatik terhadap kabilah, puak, kaum, bangsa dan warna kulit turut menjadi pendorong di mana terdapat hadith *mawdu'* mengenai kelebihan bahasa Arab, Parsi dan sebagainya. Malah, terdapat hadith *mawdu'* berkenaan kelebihan dan celaan kepada tempat tertentu (al-Dhahabi (1998).

iii. Kecenderungan mengajak kepada *al-Tarhib wa al-Tarhib* dalam keadaan jahil

Golongan *zuhhad* dan ahli ibadah dalam mendorong dan merangsang orang ramai supaya mendekati diri kepada Allah SWT bertindak mencipta hadith *mawdu'*. Berbekalkan matlamat yang baik tetapi kejahilan mengenai agama, kecuaiian serta mengikut kemahuan sendiri mendorong penciptaan hadith.

Ini termasuk hadith mengenai kelebihan surah-surah dalam al-Quran, ibadat solat sempena hari tertentu seperti siang 'Asyura dan malamnya, malam pertama bulan Rejab, malam Nisfu Sha'ban, malam 'Id al-Fitr dan lain-lain.

Di samping itu, terdapat hadith *mawdu'* dicipta bagi mendorong mengerjakan taat dan zuhud, berakhlak mulia serta melazimi amal terpuji. Abu 'Ismah Nuh Ibn Abu Maryam, Maysarah Ibn Abu Maysarah Ibn 'Abd Rabbuh adalah antara susuk terlibat dalam penciptaan hadith *mawdu'* mengenai kelebihan al-Quran (Muhammad Abu Syahbah, 1988).

iv. Kecenderungan terhadap kepentingan duniawi
Kecenderungan untuk memperoleh keseronokan dan kemewahan dunia juga antara pendorong kelahiran hadith *mawdu'*. Hal ini berpunca daripada kelemahan iman dan jiwa sehingga sanggup mencipta hadith demi mengejar ganjaran material, pangkat dan kuasa.

Misalnya Ghiyath Ibn Ibrahim al-Nakha'ie sanggup berdusta dan menokok tambah hadith kerana mengharapkan ganjaran daripada Khalifah al-Mahdi (Fauzi Deraman, 2009).

Seterusnya golongan pencerita (*Qussas*) dan penceramah (*Wu'az*) yang mengharapkan ganjaran daripada orang ramai yang menghadiri majlis mereka. Semakin ramai penonton bererti bertambah kutipan wang.

Al-Hafiz Zayn al-Din al-'Iraqi menyatakan bahawa golongan *Qussas* dan *Wu'az* seringkali menukikan hadith tanpa mengetahui keadaannya terlebih dahulu (al-Qawuqji, 1994).

Di samping itu, satu lagi faktor pencetus hadith *mawdu'* adalah untuk melariskan barang dagangan dan memuji atau mencela sesuatu pekerjaan. Misalnya didapati variasi hadith *mawdu'* mengenai kelebihan terung, delima dan sebagainya. Tidak terkecuali juga kelebihan sesetengah pekerjaan seperti jahitan dan bekam.

Selanjutnya, hadith *mawdu'* turut direka atas kepentingan peribadi. Muhammad Ibn 'Abd al-Malik al-Ansari misalnya telah mencipta hadith tentang kelebihan memandu orang buta memandangkan beliau seorang buta. Nafi' Ibn al-Harith Dawud al-A'ma yang juga seorang buta peminta sedekah turut mereka sebuah hadith menjelaskan kelebihan orang kaya yang gemar bersedekah yang menurutnya dikurniakan makanan yang mengenyangkan di dunia (Mahmud al-Tahan, 2010; Abdul Hayei Abdul Sukor, 2015).

Kontradik Antara Masyarakat Dan Ulama Terhadap Isu Hadith *Mawdu'*

*Refleks Tasahul Masyarakat Terhadap Hadith *Mawdu'**

Dalam situasi Malaysia, terdapat dua golongan apabila membicarakan mengenai hadith. Satu pihak didapati menolak hadith secara total. Bagi mereka hadith hanyalah rekaan orang terdahulu. Perkara ini perlu melalui perspektif perbincangan berbeza.

Apa yang menjadi fokus kajian ini ialah pihak kedua, mereka yang menerima apa sahaja yang didakwa sebagai hadith secara membuta tuli. Apa sahaja yang didakwa sebagai hadith akan dihadam.

Lebih membimbangkan, terdapat pelbagai jenis hadith *mawdu'* yang berlegar di internet dan ruangan sembang maya sejajar kemajuan teknologi semasa. Hadith tersebut kemudiannya disebar menerusi *sms*, *email*, *facebook*, *twitter*, *what'sApp* dan pelbagai lagi medium maya bahkan ramai yang terlibat dalam penyebaran hadith *mawdu'*.

Lebih meresahkan, hadith *mawdu'* dilihat sebatu dalam masyarakat dan sering diungkap dengan yakin, baik oleh orang yang tidak mempunyai kelayakan agama mahupun pendakwah di kaca TV dan radio.

Oleh itu, penyebaran hadith *mawdu'* dalam kalamangan masyarakat seolah-olah tidak berpenghujung. Hadith *mawdu'* bukanlah isu baru dan bukan juga tidak pernah dijelaskan kepada masyarakat, akan tetapi kadangkala disebabkan keterbatasan pendedahan dan penjelasan yang dapat dijadikan rujukan secara pantas dan mudah difahami.

Ditambah pula dengan kurangnya kesedaran agar berwaspada dalam menyandarkan sesuatu perkara kepada Nabi SAW, sehinggakan usaha penjelasan dan pembaikan dianggap menyalahi keyakinan yang dipegang masyarakat di Malaysia sekian lama.

*Contoh Hadith *Mawdu'* Popular Dalam Masyarakat*

Terjemahan: "Apabila kamu mendapati terdapat hadith daripadaku yang tidak menyalahi kebenaran, maka ambillah ia dan berhadithlah dengannya (sebagai hujah) walaupun tidak *thabit* bahawa aku yang bersabda."

Terjemahan: "Apabila ibu kamu memanggil namamu walaupun ketika solat, maka jawablah panggilannya. Jika bapamu yang memanggil, maka tidak perlu dijawab. (Hadith ini diriwayatkan oleh 'Abd al-'Aziz Ibn Aban al-Umawi. Beliau dikritik oleh Ibn Ma'in sebagai pendusta yang meriwayatkan hadith palsu)

Terjemahan: "Islam dibina atas kebersihan." (al-Ghazali menyatakan hadith ini di dalam kitab *Ihya' 'Ulum al-Din*, akan tetapi al-'Iraqi tidak pernah menjumpai riwayat sedemikian yang *thabit* daripada Rasulullah SAW)

Terjemahan: "Bertikir sejam lebih baik daripada beribadah selama setahun." (Hadith ini disandarkan secara *batil* kepada Rasulullah SAW, bahkan sebenarnya berasal dari *qaul* ulama *Salaf*)

Terjemahan: "Cintakan kucing sebahagian dari iman." (Hadith ini telah dihukum palsu oleh 'Ali Qari dan Saghani)

Terjemahan: "Menghadiri majlis seorang alim (majlis ilmu) lebih baik daripada solat seribu rakaat." (Hadith ini telah dikritik oleh Ibn al-Jawzi)

Terjemahan: "Dunia adalah tempat bercucuk tanam untuk akhirat." (al-Ghazali menyatakan hadith ini di dalam *Ihya' 'Ulum al-Din*, akan tetapi al-Sakhawi tidak pernah menjumpai riwayat sedemikian yang *thabit* daripada Rasulullah SAW)

Terjemahan: "Sesiapa yang bercakap hal dunia di dalam masjid, maka Allah SWT tidak menerima amalannya selama 40 tahun."

Terjemahan: “Sesiapa yang berusaha, maka dia akan mendapatkan (hasilnya).”

Terjemahan: “Wudu’ di atas wudu’ sepertimana cahaya di atas cahaya.”

Medium Utama Penyebaran Hadith Mawdu’ Di Malaysia

Mutakhir ini di Malaysia, kemunculan produk makanan dan minuman berinspirasi item yang disebut di dalam al-Quran dan Hadith di Malaysia didapati menjadi medium utama penyebaran hadith *mawdu’* dalam kalangan masyarakat.

Malahan, produk tertentu dipromosikan sebagai “*makanan sunnah*” dengan seribu keistimewaan. Tambahan pula, produk yang dihasilkan juga dilabelkan dengan teks hadith sebagai dalil atau sokongan dalam promosi.

Antara hadith *mawdu’* popular yang digunakan dalam pelabelan dan promosi “*makanan sunnah*” ialah;

Terjemahan: “Berilah makan kurma kepada isteri-isteri kamu ketika mereka sedang nifas” (Ibn Qayyim al-Jawziyyah, 1996).

Terjemahan: “Tiada buah delima (di dunia) melainkan bijinya berasal dari syurga” (Ibn Qayyim al-Jawziyyah, 1996).

Terjemahan: “Sebaik-baik hidangan lauk pauk adalah cuka. Ya Allah, berkatilah cuka, sesungguhnya ia adalah hidangan para Nabi sebelumku dan tidak akan fakir rumah yang memiliki cuka.” Hadith tersebut dihukum *mawdu’* disebabkan rangkaian sanadnya terdapat Jubarah Ibn Mughallis yang dilabel sebagai *muttahaam bi al-Wad’i* oleh Yahya Ibn Ma’in (Abu ‘Abd Allah Muhammad Ibn Yazid al-Qazwayni, t.t.).

Terjemahan: “Sesungguhnya (terdapat) kegembiraan pada hati ketika memakan daging” (Ibn Qayyim al-Jawziyyah, 1996).

Terjemahan: “Hendaklah kamu memakan garam, kerana ia ubat bagi 70 penyakit” (Ibn Qayyim al-Jawziyyah, 1996).

Di samping itu, hadith *mawdu’* sangat mudah ditemui dalam bahan penerbitan misalnya buku bacaan awam, kitab Jawi, majalah, surat khabar, khutbah Jumaat dan koleksi kuliah agama seperti Forum Perdana Hal Ehwal Islam, TV Malaysia dan sebagainya. Kebanyakan hadith *mawdu’* yang tersebar dalam masyarakat Islam di Malaysia melibatkan persoalan *Targhib wa Tarhib* dan *Fada’il al-A`mal*.

Selain itu, pergantungan kepada nukilan hadith

yang terdapat dalam kitab berbahasa Arab tanpa dipastikan terlebih dahulu kesahihannya merupakan salah satu medium penyebaran hadith *mawdu’*. Ini ditambah lagi dengan faktor keyakinan yang tinggi kepada apa yang ditulis oleh pengarang kitab asal (Jawiah Dakir, et al. 2009).

Selanjutnya, Profesor Dr. Jawiah Dakir dalam syarahan perdana bertajuk “*Keberadaan Al-Mawdu’ Dalam Masyarakat Melayu*” turut merumuskan beberapa medium penyebaran hadith *mawdu’* dalam masyarakat Melayu: (Jawiah Dakir, 2014)

- 1- Ghairah mengajak manusia berbuat baik tanpa menyelidik status hadith
- 2- Sikap ambil mudah dalam meriwayatkan hadith
- 3- Kurang merujuk kepada kitab hadith *mu’tabar*
- 4- Pembelajaran hadith yang tidak meluas dalam masyarakat Melayu
- 5- Rujukan kepada kitab-kitab yang menukil hadith lemah bahkan palsu seperti *Siyar al-Salikin*, *Durrah al-Nasihin*, *Irshad al-‘Ibad ‘ila Sabil al-Rashad*, *Matla’ al-Badrayn*, *al-Jawhar al-Mawhub wa Munabbihat al-Qulub* dan *Ihya’ ‘Ulum al-Din* (Abdul Hayei Abdul Sukor, 2015).

Dalam satu kajian khusus terhadap kitab *Ihya’ ‘Ulum al-Din* karangan al-Ghazali, Profesor. Dr. Jawiah Dakir mendedahkan terdapat 265 hadith *mawdu’* ditemui dalam kitab tersebut. Kajiannya mendapati 285 daripada 825 hadith yang sering dipetik oleh masyarakat Melayu adalah *mawdu’* (Jawiah Dakir, 2014).

Walaupun kedengaran kontroversi, ini bukan kali pertama *Ihya’ ‘Ulum al-Din* dikritik. Dalam sebuah kitab yang mengumpulkan takhrij terhadap hadith-hadith dalam *Ihya’ ‘Ulum al-Din* oleh al-‘Iraqi, Ibn Sabki dan al-Zabidi, Al-Hadhad menyatakan bahawa *Ihya’ ‘Ulum al-Din* memiliki keaiban yang besar di mana di dalamnya terkumpul hadith-hadith lemah dan meragukan. Lalu al-‘Iraqi mentakhrijkan hadith-hadith tersebut bagi membolehkan umat Islam mengambil manfaat dan membacanya (al-Hadhad, 1987).

Muhammad Abu Syahbah juga menyatakan: “*aku menasihatkan kepada sesiapa yang membaca Ihya’ agar tidak berpegang dengan hadith-hadith yang disebutkan kecuali setelah melihat takhrij al-‘Iraqi. Jika tidak dikhuatiri terjatuh dalam dosa berdusta secara tidak sedar*” (Muhammad Abu Syahbah, 1982).

Bukan itu sahaja, kitab cabang agama juga dikesan mengandungi hadith *mawdu’*. Antaranya *al-Ghunyah*, *‘Awarif al-Ma’arif*, *Nuzhah al-Majalis*, *Bustan al-Arifin* dan *Tanbih al-Ghafilin*. Muhammad Abu Syahbah menyebutkan bahawa pembaca wajib berhati-hati terhadap kandungan hadith *mawdu’* dan Israiliyyat

dalam *Tanbih al-Ghafilin*. (Muhammad Abu Syahbah, 1982).

Oleh kerana hadith-hadith tersebut masih diterima masyarakat terutama apabila berjaya menembusi kandungan kitab-kitab *turath*, maka kaedah menangani penyebarannya menjadi sukar disebabkan setiap kitab mempunyai kekuatannya sendiri.

Oleh itu, pengkajian terhadap hadith Nabawi memerlukan penelitian menyeluruh. Ia bukan sekadar memetik sepotong hadith tertentu secara rambang dan dijadikan tiket untuk mempromosikannya. Selain itu, hadith yang digunakan sebagai sandaran perlu dikaji dan dipastikan status terlebih dahulu sebelum mengaitkan integriti baginda SAW.

Pendirian Tegas Ulama Terhadap Hadith Mawdu'

Berbeza dengan kelompok masyarakat, permasalahan hadith *mawdu'* adalah isu yang sudah dibincangkan dalam kalangan ulama. Mereka bersepakat menyekat riwayatnya kerana Islam telah memadai bagi maksud menghayatinya dengan al-Qur'an dan hadith *sahih*.

Ulama merupakan golongan paling arif dalam hal ini. Mereka menyedari jika hadith-hadith *mawdu'* itu terus disebar bebas, kesucian agama bakal tercemar. Mereka mengetahui pengharaman berbohong terhadap Rasulullah SAW adalah menyeluruh dalam semua perkara.

Bahkan ijma' ulama mengharamkan secara total perbuatan berdusta atas nama Rasulullah SAW dalam apa jua bab, bidang atau tajuk dan termasuk dalam kategori dosa besar paling tercela (al-Qawuqji, 1994).

Hadith *mawdu'* merupakan seburuk-buruk hadith *da'if*. Perawi yang meriwayatkan hadith *mawdu'* tidak terlepas daripada dua keadaan iaitu;

[*Pertama*]: tidak mengetahui tentang keadaan hadith yang diriwayatkan itu *mawdu'*;

[*Kedua*]: meriwayatkannya sedangkan mengetahui kepalsuan hadith terbabit.

Dalam keadaan pertama, perawi tidak dikira berdosa kerana jahil walaupun dikira cuai kerana gagal mengkaji dan meneliti keadaan hadith. Sebaliknya meriwayatkan bagi menerangkan kepalsuannya adalah harus bagi menghindarkan komuniti daripada bahaya hadith tersebut.

Dalam keadaan lain, jika diriwayatkan dalam keadaan tahu akan kepalsuannya bukan untuk menerangkan kepalsuannya, maka para ulama mengharamkan perbuatan tersebut dalam semua hal sama ada akidah, syariat, fiqh dan *fada'il* (al-Qawuqji, 1994).

Oleh itu, tidak boleh meriwayatkannya kecuali disertakan penjelasan mengenai pendustaannya. Sesiapa yang mengatakannya hadith sedangkan mengetahui itu

semata-mata pembohongan, hukumnya sama seperti bersekongkol dalam menyatakan pendustaan terhadap Rasulullah SAW.

Al-Dhahabi, Abu Muhammad al-Juwayni, Ibn Munir dan selainnya dalam kalangan *kibar ulama* menghukum kafir kepada orang yang sengaja melakukan pendustaan atas nama Nabi Muhammad SAW sehingga mengubah perkara halal menjadi haram dan begitu juga sebaliknya. Pendapat ini disokong oleh 'Ali Qari yang membolehkan dibunuh sesiapa yang berdusta atas nama Rasulullah SAW serta mayatnya dibakar dengan api (al-Qawuqji, 1994).

Al-Nawawi mengatakan haram meriwayatkan hadith *mawdu'* bagi mereka yang mengetahui atau berat pada sangkaannya hadith tersebut palsu walaupun dalam perkara *al-Tarhib wa al-Tarhib* kecuali disertakan penjelasan mengenai kepalsuannya.

Di samping itu, tidak boleh menggunakan lafaz *jazam* dalam periwayatan sebaliknya disyaratkan menggunakan lafaz *tamrid*. Oleh itu, wajib bagi para *muhaddithin* supaya tidak meriwayatkan sebarang khabar ciptaan yang batil lagi palsu. Sesiapa yang melakukan demikian, baginya dosa besar dan termasuk dalam kalangan pendusta (al-Nawawi, 1929).

Dalam bab amalan, hadith *mawdu'* lebih utama daripada hadith *da'if* untuk ditinggalkan disebabkan unsur kerosakan dan pendustaan yang terkandung di dalamnya. Para ulama bersepakat melarang penggunaan atau beramal dengannya. Malah terdapat keterangan jelas mengharamkan beramal dengan hadith *mawdu'*.

Mekanisme Tepat Bagi Merungkai Isu Hadith Mawdu' Ke Arah Kesepakatan Bersama

Daripada perbincangan di atas, nyata terdapat percanggahan antara masyarakat dan ulama dalam isu hadith *mawdu'*. Kelompok masyarakat lebih terbuka dalam menerima manakala golongan ilmuwan amat tegas dalam memerangi hadith *mawdu'*.

Justeru, usaha perlu digerakkan untuk menyedarkan masyarakat yang jauh terpesong. Lantas, dikemukakan beberapa usul yang wajib difahami apabila memperkatakan mengenai hadith *mawdu'*:

- i. Pembohongan atas nama Nabi Muhammad SAW merupakan "*jenayah*" serius dalam Islam. Bahkan Nabi SAW telah memberi ancaman keras berupa "*neraka*" kepada para pendusta atas nama baginda SAW melalui sabda;

Terjemahan: "*Sesungguhnya pendustaan terhadapku, tidak sama seperti pendustaan terhadap orang lain. Sesiapa yang berdusta terhadapku dengan sengaja, maka tersedia tempatnya dalam neraka.*" [Hadith riwayat al-Bukhari, Sahih al-Bukhari]

Terjemahan: “*Sesiapa yang berdusta atasku dengan sengaja, maka dia telah menempah tempat dalam neraka.*” [Hadith riwayat Muslim, Sahih Muslim]

Hadith berikut telah diriwayatkan sehingga mencapai taraf *mutawatir* (Abu Layth al-Khair Abadi, 2005). Hadith ini memberi erti hukum pendustaan terhadap baginda SAW lebih dahsyat dan tidak sama dengan pendustaan terhadap orang lain (Muhammad Abu Syahbah, 1988).

- ii. Hadith *mawdu'* merupakan satu bentuk penghinaan kepada Nabi Muhammad SAW dengan pelbagai bentuk kelucuan, keganjilan, kutukan dan lain-lain perkara yang melampaui batas di dalamnya.
- iii. Para pemalsu hadith telah melakukan perbuatan khianat dalam beragama atas faktor kejahatan, pengaruh, kepentingan dan kehendak duniawi.
- iv. Jumhur tokoh hadith berpandangan orang yang melakukan pendustaan (mereka hadith) adalah fasiq, ditolak riwayat dan tidak boleh dijadikan hujah sekalipun bertaubat. Antara ulama yang berpendapat sedemikian adalah Ahmad Ibn Hanbal, Abu Bakar al-Hamidi, al-Sairafi dari kalangan ulama fiqh mazhab Shafi'e (al-Nawawi, 1929).
- v. Hadith *mawdu'* haram diriwayatkan, disebar atau diamalkan kecuali atas tujuan yang diharuskan syara' serta mesti melalui panduan yang telah digariskan (Abu Layth al-Khair Abadi, 2005).
- vi. Tersebar sesuatu kepercayaan atau perkara yang tiada sandaran dalam agama melalui penulisan hadith *mawdu'* ibarat musuh yang cuba memecahkan tradisi ajaran Islam yang dibina atas nama kebenaran.

Di samping itu, suatu sistem garis panduan lebih mantap dan berkesan perlu dilaksanakan bagi merencanakan perkembangan sekaligus menghentikan penyebaran hadith *mawdu'* dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Sebagai saranan metodologi terbaik, berikut diusulkan beberapa perkara;

- i. Asal sesuatu hadith adalah *da'if*
Kaedah utama yang wajib diketahui oleh setiap Muslim ialah asal sesuatu hadith adalah *da'if* sehingga dapat didatangkan bukti kesahihannya melalui penelitian terhadap lima syarat utama (sanad bersambung, perawinya 'adil (tidak diragui pengamalan agamanya), *dabit* (pemeliharaan yang baik terhadap hafalan atau penulisan kitab hadith), tiada *shaz* (kejanggalan) dan

'illah (kecatatan)). Jika salah satu tidak sempurna atau gugur, bakal memberi kesan kepada darjat hadith. Bagi masyarakat awam yang tidak berkemampuan, wajar merujuk pandangan tokoh atau jaguh hadith.

- ii. Menukilkan hadith dari sumber asli sahaja
Menurut disiplin ilmu hadith, hadith wajib dinukilkan daripada kitab asli hadith (*al-Masadir al-Asliyyah*). Hal ini merangkumi kitab hadith primer misalnya Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Dawud, Sunan al-Tirmidhi, Sunan al-Nasa'i, Sunan Ibn Majah, Musnad Ahmad, Muwatta Malik, Sunan al-Darimi dan sebagainya. Sandaran hadith dalam kitab tersebut adalah lengkap dengan nombor hadith, jalur riwayat, teks, ulasan dan penjelasan hukum hadith oleh ulama terkemudian (*tahqiq*).

- iii. Berhati-hati dalam menukil hadith
Ini termasuk mengenalpasti kedudukan dan darjat hadith sebelum menyebarkannya. Hadith yang didapati dari pelbagai sumber perlu dirujuk kepada kitab hadith berautoriti (sumber primer) atau penjelasan ulama bagi mendapatkan penjelasan mengenai keadaan riwayat sesuatu hadith. Cara ini menjamin nukilan hadith yang baik dan meninggalkan yang rosak atau cacat (palsu).

- iv. Membiarkan hadith-hadith yang meragukan, ajaib, pelik dan musykil sehingga datang *qarinah* yang membuktikan kesahihan hadith
Hadith merupakan kalam mulia dan disandarkan kepada susuk paling murni iaitu Nabi Muhammad SAW. Sebaran hadith yang diperakui kejujumannya adalah ibadah dan jika sebaliknya bakal mengundang dosa dan ancaman neraka. Oleh itu, seseorang wajib mengambil langkah berhati-hati (*ihthiyat*) sebelum menyebarkan sesuatu hadith.

- v. Merujuk kepada penuntut dan penyelidik hadith

Kaedah terakhir dan paling mudah boleh dilakukan masyarakat awam bagi mendapat penjelasan mengenai sesuatu hadith ialah bertanya kepada mereka yang pakar dan mempunyai pengetahuan mencukupi dalam bidang hadith. Namun begitu, hal ini memerlukan masa bagi tujuan tinjauan atau penyelidikan status.

Setelah itu, masyarakat awam boleh bersandar kepada pandangan tokoh atau ulama dalam hal ini sekaligus tanggungjawab meriwayatkan hadith *sahih* atau ancaman neraka terhadap sebaran hadith *mawdu'* telah berpindah kepada tukang rujuk tersebut.

Penubuhan Lajnah Tahqiq Hadith KDN

Pada 31 Oktober 2016, Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Hadith (Lajnah Tahqiq

Hadith) sebagai pusat rujukan hadith.

Jawatankuasa yang disertai tujuh orang ahli akademik dengan kepakaran khusus dalam ilmu hadith diketuai Dr. Abdul Hayei Abdul Sukor bakal menjadi rujukan dalam menentukan taraf dan kesahihan sesuatu hadith seterusnya memartabatkan sumber hukum kedua selepas al-Qur'an (Bernama.com, 2016).

Jawatankuasa tersebut juga akan memberi perhatian terhadap pentafsiran atau syarahan hadith sahih yang ditafsir dan diolah mengikut pemahaman salah.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, penubuhan jawatankuasa itu turut bertujuan menyediakan pandu arah mengekang penyebaran hadith palsu oleh kumpulan tertentu kepada masyarakat.

Penyebaran hadith palsu dalam masyarakat jika tidak dibendung akan memberi kesan buruk kepada kesucian agama, penyelewengan akidah, menjejaskan keharmonian, ketenteraman awam dan perpaduan negara.

Dalam masa yang sama, masyarakat perlu dididik supaya merujuk kitab-kitab ulasan hadith muktabar atau merujuk kepada mereka yang pakar supaya pemahaman terhadap hadith adalah tepat (Berita Harian Online, 2016).

Kesimpulan

Generasi sahabat RA sangat memelihara, menghafaz bahkan menulis hadith kemudian menyampaikan kepada generasi seterusnya. Mereka berusaha menjaga hadith bagi memastikannya sampai kepada generasi hari ini dengan tepat sebagaimana penerimaannya dari Nabi Muhammad SAW. Kemudian muncul pula generasi ulama yang mengarang karya-karya dalam bidang hadith agar dipelihara dan difahami masyarakat awam sebaik mungkin.

Namun begitu, segelintir umat Islam yang tidak bertanggungjawab tanpa rasa bersalah telah menodai khazanah Islam dengan rekaan hadith *mawdu'* atas nama Nabi Muhammad SAW.

Hal ini seterusnya menjadi kepercayaan batil yang sebatil dalam masyarakat Islam dan Malaysia khususnya. Malah kemasukan unsur-unsur *fasad* ke dalam masyarakat melalui penyebaran hadith *mawdu'* amat mendukacitakan.

Oleh itu, usaha menyedarkan masyarakat amat perlu dan kaedah tepat dalam berinteraksi dengan hadith perlu diterapkan bagi menyucikan ajaran Islam.

Penghargaan

Penghargaan ditujukan kepada Universiti Malaya (UM) atas pemberian geran penyelidikan (FP026-2015A) bertajuk "Salah Faham Terhadap Sunnah Di Malaysia:

Kajian Ke Arah Mengharmonikan Pandangan Antara Golongan Yang Menolak Dengan Golongan Yang Menerima."

Rujukan

'Abd Allah Sha'ban (2008), *Qawa'id al-Muhaddithin*, Misr: Dar al-Salam, 545.

'Ali Qari al-Harawi al-Makki (1994), *al-Masnu' fi Ma'rifah al-Hadith al-Mawdu'*, Halb: Maktab al-Mawdu'at al-Islamiyyah, 44-45.

Abdul Hayei Abdul Sukor (2015), *Hadith Mawdu': Sejarah dan Cara-Cara Mengenalinya*, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Abu 'Abd Allah Mahmud Ibn Muhammad al-Hadhad (1987), *Takhrij Ahadith Ihya' 'Ulum al-Din*, al-Rumz: Dar al-'Asimah lil Nashr bi al-Riyadh.

Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Yazid al-Qazwayni (t.t.), Sunan Ibn Majah, Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', Kitab al-At'imah, Bab al-Ittidam bi al-Khal, 558, No. Hadith 3318.

Abu al-Hasan Muhammad Ibn Khalil Ibn Ibrahim Ibn Muhammad Ibn Ali al-Qawuqji (1994), *al-Lu'lu' al-Marsu' fi ma La Asl Lahu aw bi Aslihi Mawdu'*, Beirut-Lubnan: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.

Al-Nawawi (1929), *al-Minhaj Syarh Sahih Muslim Ibn al-Hajjaj*, Kaherah: al-Matba'ah al-Misriyyah bi al-Azhar, 1: 29.

Berita Harian Online, *Lajnah Tahqiq Hadith Tentukan Kesahihan Hadith*, 31 Oktober 2016, <http://www.bharian.com.my/node/207993>

Bernama.com, *Lajnah Tahqiq Hadith Bendung Penyebaran Hadis Palsu-Ahmad Zahid*, 31 Okt. 2016, <http://www.bernama.com/bernama/v8/bm/newsindex.php?id=1297602>

Fauzi Deraman (2009), *'Ulum al-Hadith*, Bentong, Pahang: Book Pro Publishing Services.

Ibn Manzur (t.t.), *Lisan al-'Arab*, Kaherah: Dar al-Ma'arif, 55: 4858.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1996), *al-Manar al-Munif fi al-Sahih wa al-Da'if*, Riyadh: Dar al-'Asimah lil Nashr wa al-Tawzi'.

Jawiah Dakir (2014), *Keberadaan Al-Mawdu' Dalam Masyarakat Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti

Kebangsaan Malaysia.

Jawiah Dakir, et al (2009). *Hadith Masyhur Dalam Masyarakat Melayu: Takhrij dan Analisis*, 29: 119-146.

Mahmud al-Tahan (2010), *Taysir Mustalah al-Hadith*, Riyad: Fahrasah Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyah Ithna' al-Nashr, 111-112.

Manna' Khalil al-Qathan (2006), *Cara Mudah Memahami Ilmu-ilmu Hadith*, Abu Ezzat al-Mubarak (terj.), Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa, 167.

Mohd Muhiden Abd Rahman (2010), *'Ulum al-Hadith*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Abu Layth al-Khair Abadi (2005), *'Ulum al-Hadith Asluha wa Mu'asiruha*, Selangor: Dar al-Shakir, 193.

Muhammad Nasir al-Din al-Albani (2005), *al-Hadith Hujjah bi Nafsihi fi al-'Aqa'id wa al-Ahkam*, Riyad: Fahrasah Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyah Ithna' al-Nashr, 25.

Muhammad Ibn Muhammad Abu Syahbah (1988), *al-Isra'iliyyat wa al-Mawdu'at fi Kutub al-Tafsir*, Kaherah: Maktabah al-Sunah, 21.

Muhammad Ibn Muhammad Abu Syahbah (t.t.), *al-Wasit fi 'Ulum wa Mustalah al-Hadith*, t.p.

Shams al-Din Muhammad Ibn Ahmad Ibn 'Uthman al-Dhahabi (1998), *Talkhis Kitab al-Mawdu'at li Ibn Jawzi*, Riyad: Maktabah al-Rushd, 18.